

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXIV)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH  
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

4. Bilakah projek-projek rancangan tebatan banjir Parit 4 dan 5 di Bukit Tengah dijangka akan selesai?
  - (a) Nyatakan sebab kelewatan menyiapkan projek-projek berkaitan.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. (a) Projek Tebatan Banjir Parit 4 dijangka siap pada 1 September 2020 (EOT 1). Kelewatan adalah disebabkan pindaan Pelan Susun Atur susulan isu status tapak Rumah Pam Baru Parit 4 yang bertindih dengan tanah pajakan negeri. Pada masa yang sama, rekabentuk semula TNB *substation* terpaksa dijalankan akibat hakisan tebing Sungai Juru yang kritikal telah berlaku di sebahagian tapak cadangan TNB *substation*. Kerja penstabilan tebing Sungai Juru tersebut masih dalam pembinaan.

Projek Tebatan Banjir Parit 5 dijangka siap pada 25 Oktober 2020 (EOT 1). Kelewatan adalah disebabkan oleh isu pengambilan balik tanah yang telah selesai pada September 2019 bagi tapak Rumah Pam Baru Parit 5. Selain daripada itu, kelewatan turut disebabkan isu pemindahan kuil yang masih berada di dalam kawasan projek di mana isu tersebut masih dalam tindakan penyelesaian.

Walau bagaimanapun, dengan berlakunya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020, kesemua projek-projek telah diberhentikan buat sementara waktu.

Adalah dijangka bahawa kelewatan akan bertambah akibat PKP ini.